


Sekolah kebangsaan penyatu rakyat: PM

Kerajaan mahu perkasa pendidikan selesai polarisasi kaum

BH-4/4/2006



TENANG MENJAWAB: Abdullah ketika ditemuramah Johan mengenai RMK-9 di RTM, malam tadi.

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan mempercepatkan proses memperkasakan sekolah kebangsaan untuk menjadikannya sekolah pilihan pertama bagi menangani polarisasi kaum.

Perdana Menteri berkata, pendidikan dilihat sebagai penyelesaian kepada masalah polarisasi kaum yang masih wujud dalam negara.

Katanya, keadaan rakyat yang tidak bersatu padu hanya akan membantut usaha membangunkan negara dan ia akan menjejaskan kestabilan politik.

"Sebab itu kita nak perkasakan pendidikan. Saya dah kata, bukan sekali. Saya dah kata lama dah. Minta maaf lah ia ambil masa yang lama. Kita nak percepatkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemuramah oleh Datuk Johan Jaaffar dalam rancangan *Di Sebalik Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)* yang disiarkan RTM, malam tadi.

Abdullah berkata, faktor kaum tidak seharusnya menjadi alasan bagi ibu bapa memilih sekolah untuk anak mereka dan mereka hendaklah sentiasa menganggap bahawa setiap sekolah itu adalah yang terbaik.

Beliau berkata, sekolah kebangsaan adalah sekolah untuk semua kaum di Malaysia, bukannya untuk orang Melayu saja.

"Tak ada. Bukan fikir macam tu. Orang Melayu sendiri pun fikir macam tu. Jangan ingat fikiran macam ni fikiran orang bukan Melayu. Kadang-kadang orang Melayu pun macam tu juga," katanya apabila ditanya mengenai persepsi yang me-

nyatakan sekolah kebangsaan menjadi sekolah Melayu kerana bilangan pelajar Melayu lebih besar berbanding kaum lain.

Mengenai pertanian, Abdullah berkata, sektor itu bukan setakat mengeluarkan makanan semata-mata malah merangkumi bidang farmaseutikal dan perubatan herba.

"Bila saya tengok pertanian, saya tak fikir untuk dijadikan makanan saja. Saya fikir aspek-aspek yang ada hubung kait dengan asas tani. Hari ini sudah banyak produk pertanian yang dijadikan benih untuk industri lain, dengan bioteknologi, dengan nanoteknologi... macam-macam.

"Oleh itu, skop Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani besar, termasuk farmaseutikal, bioteknologi, ubat-ubatan dan sebagainya," katanya.

Abdullah menolak sebarang tanggapan kononnya pertanian bukan satu bidang yang tidak boleh berkembang dan tidak dinamik, kerana menurutnya, Belanda yang sebesar

Pahang adalah pengeluar barangan makanan kedua terbesar di dunia.

Menjawab pertanyaan mengenai usaha beliau mengangkat 'darjat' pertanian negara, Perdana Menteri berkata, buat masa ini, terlalu banyak produk farmaseutikal dan perubatan herba dibawa masuk ke negara ini sehingga mencapai nilai trilion ringgit sedangkan Malaysia sendiri kaya dengan tumbuh-tumbuhan.

“ Pendidikan dilihat sebagai penyelesaian kepada masalah polarisasi kaum yang masih wujud dalam negara”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Abdullah berkata, negara kini terlalu banyak mengimport barang makanan dari luar negara termasuk Amerika Syarikat.

Katanya, walaupun pertanian adalah sektor yang lembap berbanding sektor perindustrian dan perkhidmatan, namun Malaysia tidak boleh menjana ekonomi dengan hanya menumpukan bidang tertentu saja.

Abdullah berkata, sektor pertanian kurang mendapat sambutan kerana ia terletak di kawasan yang kurang maju seperti di utara Semenanjung dan di Pantai Timur.

"Di kawasan ini kebetulan ramai orang Melayu, juga dianggap sebagai satu kebetulan yang secara perbandingan, masih belum memenuhi sasaran yang ditetapkan.

"Bumi putera sekarang berbanding dulu jauh lebih baik. Kita tidak mahu di Malaysia, walaupun golongan Bumi putera maju dan berjaya, namun masih dilihat sebagai golongan masih mundur," katanya. - Bernama